

Panduan untuk Pengurus Kumpulan ISH Identifikasi Risiko Penggunaan Tanah - Pekebun Kecil Bebas (IS-LURI)

IS-LURI ialah satu kaedah dokumentasi yang akan digunakan oleh Sekretariat RSPO untuk mengesahkan kawasan-kawasan yang diklasifikasikan sebagai **risiko rendah** dan dibenarkan untuk penanaman baharu atau peluasan kawasan. Pengesahan tersebut akan dijalankan berdasarkan maklumat yang diberi oleh pengurus kumpulan atau wakil yang dilantik bagi pihak pekebun kecil bebas terbabit. Dokumen panduan ini berfungsi sebagai rujukan bagaimana menyediakan maklumat yang perlu diberi.

Pengurus kumpulan atau wakil yang dilantik dikehendaki untuk mengisi maklumat yang diperlukan di dalam templat dokumen **IS-LURI**. Sebaik sahaja maklumat diberi dan dokumen diserahkan, Sekretariat RSPO akan memberikan ID rujukan kes untuk serahan tersebut dan ia akan dikaji.

Bahagian 1: Maklumat Kumpulan

1. Nombor keahlian RSPO dan tarikh menyertai RSPO akan diperlukan sepertimana butiran keahlian kumpulan.
 - Nombor keahlian dan tarikh menyertai boleh diperolehi daripada laman web RSPO di bahagian 'cari ahli'. (<https://rspo.org/members/all>)
2. Maklumat lokasi Kumpulan ISH tersebut hendaklah termasuk daerah, wilayah dan negeri.
3. Jumlah kawasan Kumpulan ISH yang dinyatakan haruslah jumlah yang terkini.
4. Butiran ahli-ahli Kumpulan ISH yang merancang untuk menjalankan penanaman baharu atau peluasan plot sedia ada hendaklah diisi di dalam '**Bahagian 2. Hasil-hasil**' di templat laporan.
5. Data vektor unjuran geografi yang menunjukkan sempadan-sempadan sah unit pengurusan hendaklah diberi dalam bentuk shapefile berserta gambar-gambar kawasan yang ingin dibuka bagi tujuan penanaman baharu atau peluasan.
 - Cara-cara untuk menghasilkan shapefile poligon akan ditunjukkan di **Bahagian 2** dalam panduan ini.
 - Data vektor tersebut boleh juga diberi dalam fail format .shp, .kmz atau .kml.
6. Jika ada surat ikatan hakmilik tanah, salinan imbasan atau gambar yang jelas memaparkan maklumat di atas surat ikatan hakmilik tersebut hendaklah diberi .
7. Laporan berkaitan (iaitu laporan penilaian HCV) yang digunakan sebagai rujukan untuk **IS-LURI** ini hendaklah disertakan semasa serahan dilakukan.

Bahagian 2: Hasil-hasil


1. Untuk tujuan pengesahan, satu shapefile poligon baharu yang jelas menunjukkan kesemua plot/konsesi terkini yang dimiliki oleh pekebun kecil bebas terbabit akan diperlukan.
2. Shapefile poligon untuk kawasan-kawasan HCV sedia ada dan juga plot yang telah dikenalpasti akan dibuka bagi tujuan penanaman baharu atau peluasan kawasan juga akan diperlukan untuk tujuan pengesahan ini.
3. Data kawasan HCV boleh diperolehi daripada **“Aplikasi HCV yang Diperudahkan”** untuk ISH (pekebun kecil bebas) yang boleh didapati di Google Play Store (versi iOS belum lagi tersedia buat masa ini).
4. Aplikasi ini membolehkan shapefile kawasan HCV tersebut diekspot. Untuk panduan tentang aplikasi ini, sila rujuk kepada *“Guidance Document on Simplified Tool for Independent Smallholder - HCV App”* (Dokumen Panduan tentang Alat yang Diperudahkan untuk Pekebun Kecil Bebas – Aplikasi HCV) yang boleh diperolehi daripada laman web RSPO (<https://rspo.org/resources/smallholders-documents/smallholders-key-documents>)
5. Shapefile poligon yang diperolehi hendaklah dimasukkan ke dalam Jadual Data Poligon di dalam templat laporan dalam bentuk imej dan juga sebagai serahan berasingan poligon yang diekstrak, dan disimpan di dalam satu folder.
6. Aplikasi HCV yang Diperudahkan membolehkan pengekstrakan poligon yang boleh digunakan untuk tujuan langkah interim ini.
7. Langkah-langkah lain untuk menghasilkan shapefile poligon baharu ditunjukkan di dalam bahagian berikut.
8. **Sila maklum bahawa langkah-langkah berikut adalah alternatif kepada penggunaan Aplikasi HCV yang Diperudahkan yang boleh didapati di Google Play Store.**

Prosedur untuk Menghasilkan Shapefile Poligon:


Langkah 1: Mengumpulkan Koordinat GPS

(Video Panduan: <https://www.youtube.com/watch?v=zTUiaiX9jM>)


1. Langkah pertama yang diperlukan untuk menghasilkan shapefile berkenaan ialah mengumpulkan koordinat-koordinat GPS kawasan konsesi/peluasan yang terbabit.
2. Telefon bimbit dengan keupayaan GPS diperlukan untuk tujuan pemetaan sempadan konsesi/ kawasan peluasan.
3. Untuk mendapatkan koordinat menggunakan telefon bimbit atau tablet, buka aplikasi Google Maps. Bulatan berwarna biru mewakili kedudukan lokasi semasa pengguna. Pengguna perlu mengezum dekat di bulatan berwarna biru tersebut untuk memastikan kedudukan lokasinya adalah setepat mungkin.




4. Sentuh dan tahan di butang berwarna biru tersebut untuk menghasilkan pin jatuh berwarna merah. Menu pin jatuh tersebut akan kelihatan di bawah. Klik dan skrol ke atas di menu tersebut.



5. Koordinat-koordinat yang diperlukan akan tersenarai di bawah menu pin jatuh tersebut.



6. Sentuh dan tahan di koordinat GPS tersebut untuk menyalinnya.



7. Koordinat-koordinat diperlukan bagi setiap titik hujung sempadan-sempadan konsesi/kawasan peluasan tersebut.
8. Catatkan koordinat-koordinat bagi setiap titik hujung untuk digunakan sebagai rujukan (**Hendaklah dicatatkan ke dalam templat Excel yang disediakan**).


| Latitude | Longtiude |
|-----------|-------------|
| 7.226292° | 103.534553° |
| 7.226242° | 103.534594° |
| 7.226689° | 103.535022° |
| 7.226639° | 103.535058° |

9. Sebaik sahaja koordinat-koordinat telah dimasukkan ke dalam templat, ia hendaklah disimpan dalam format fail CSV (Comma delimited)


Langkah 2: Cara Menghasilkan Shapefile Poligon konsesi/kawasan peluasan.

(Video Panduan: <https://www.youtube.com/watch?v=hEAVNTHFrNg>)


1. Fail CSV (Comma delimited) tersebut hendaklah diimpor ke dalam Google Earth. Pastikan 'All files' (Semua fail) dipilih seperti yang ditunjukkan di dalam tangkapan skrin di bawah.



2. Sebaik sahaja fail CSV dibuka, tetapan 'Data Import Wizard' (Pembantu Import Data) akan muncul. Pilih 'Finish' (Selesai).




- Pilihan 'Style template' (Gaya templat) akan muncul selepas itu. Anda dinasihatkan untuk memilih 'No' (Tidak).




- Koordinat-koordinat tersebut akan dipaparkan di dalam Google Earth.




- Klik di ikon 'Add Polygon' (Tambah Poligon) di bar Tools (Alat) untuk menghasilkan poligon.




6. Dengan menggunakan koordinat-koordinat sebagai rujukan, lakar garisan poligon.



7. Fail poligon baharu telah terhasil.
8. Poligon ini akan digunakan sebagai rujukan di dalam **jadual perbandingan data (2.1)**.
9. Klik kanan poligon tersebut di tab "Places" (Tempat) dan pilih "save place as" (simpan tempat sebagai).



10. Fail yang disimpan juga boleh diserahkan dalam bentuk **.kml/.kmz**.



11. Serahkan fail-fail output ini kepada Sekretariat RSPO di dalam satu folder:
 - a. **Poligon yang jelas menunjukkan Sempadan-sempadan / Konsesi ISH**
 - b. **Poligon yang jelas menunjukkan plot ISH yang ingin dibuka bagi tujuan penanaman baharu atau peluasan**
 - c. **Poligon kawasan HCV di dalam plot ISH**

Gambar-gambar Lapangan Bertanda Geo-Lokasi Kawasan-kawasan Risiko Rendah

1. Minimum **dua (2) set** imej-imej bertanda geo-lokasi yang mengandungi sekurang-kurangnya **empat (4)** gambar dalam setiap set diperlukan sebagai bukti semakan lapangan untuk setiap jenis kelas litupan tanah yang dikenal pasti dan dilaporkan sebagai "**Risiko Rendah**".
2. Empat gambar yang ditetapkan di dalam perkara 1 di atas haruslah masing-masing menunjukkan arah utara, **selatan**, **timur** dan **barat** kawasan "**Risiko Rendah**" tersebut.
3. Satu folder yang mengandungi imej-imej tersebut hendaklah diserahkan sebagai lampiran dengan ID rujukan set gambar yang berkenaan.
4. Gambar-gambar bertanda geo-lokasi boleh diambil menggunakan telefon pintar.
5. Panduan tentang penggunaan telefon pintar bagi tujuan tandaan geo-lokasi adalah seperti berikut:
 - iPhone: Lancarkan Tetapan --> Privasi --> Perkhidmatan Lokasi --> Kamera --> Semasa Menggunakan Aplikasi
 - Android: Buka aplikasi kamera dan tekan pada Tetapan. Daripada Tetapan, skrol ke bawah sehingga anda melihat pilihan "Tanda Geo-lokasi" atau "Geo tags" (atau pilihan seumpamanya) dan bolehkannya.
 - Tutorial untuk membolehkan tandaan geo-lokasi: <https://www.youtube.com/watch?v=TpCeOkw2QdY>